



INTERAKSI MASYARAKAT MAJMUK DI MALAYSIA MENURUT PERSPEKTIF AL-QURAN

Mohd Zahimie Mohd Dzahid^{1*}, Khairul Azhar Meerangani², Muhammad Dzarif
Ahmad Zahidi¹, Nor Asree Mohd Noh¹ & Ahmad Nurilakmal Norbit¹

¹Fakulti Bahasa dan Pendidikan, Kolej Universiti Islam Melaka,
78200 Kuala Sungai Baru, Melaka.

²Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Melaka,
78000 Alor Gajah, Melaka.

*zahimie@kuim.edu.my (Corresponding Author)

DOI: <https://doi.org/10.24191/ejitu.v5i1.6070>

Abstrak

E-JITU

Acceptance date:
15th January 2022

Valuation date:
15th March 2022

Publication date:
29th April 2022

Malaysia merupakan negara yang mampu menghimpunkan pelbagai bangsa dan agama bernaung di bawah satu entiti yang sama. Kemajmukan ini sudah pasti membawa kepada berlakunya interaksi yang merentasi sempadan kaum dan agama. Maka, hubungan ini memerlukan kepada suatu asas yang kukuh agar interaksi secara harmoni mampu ditonjolkan dalam rangka mengekalkan kerukunan dan perpaduan hidup bermasyarakat yang telah terbina sejak sekian lama. Justeru, kajian ini bertujuan menjelaskan prinsip asas interaksi majmuk di Malaysia menurut perspektif al-Quran. Kajian dijalankan secara kualitatif menerusi sorotan terhadap nas-nas al-Quran serta pandangan para sarjana Muslim klasik dan kontemporari dan seterusnya dianalisis secara induktif bagi merumuskan perspektif Islam dalam memandu interaksi majmuk di Malaysia. Inisiatif ini dilihat sebagai suatu usaha bagi mengukuhkan serta mengharmonikan hubungan sosial manusia berbilang bangsa dan agama di samping menjernihkan persepsi negatif terhadap ajaran Islam itu sendiri yang sememangnya menekankan prinsip kesejagatan ('alamiyyah), komprehensif (syumuliyah), keseimbangan (wasatiyyah) dan reflektif (waq'iyah). Tuntasnya, prinsip interaksi majmuk berpandukan nas al-Quran, teks al-Hadis serta pandangan para sarjana Muslim ini dengan mengambil kira realiti semasa yang wujud di Malaysia pada hari dilihat telah menyediakan asas yang mapan dan holistik sebagai teras dalam hubungan sosial di Malaysia.

Kata kunci: Kemajmukan, Interaksi, al-Quran, Keharmonian, Perpaduan

INTERACTION OF PLURAL SOCIETY IN MALAYSIA FROM QURANIC PERSPECTIVE

Abstract

Malaysia is a country that is able to bring together various races and religions under one entity. This pluralism has inevitably led to the occurrence of interactions that transcend racial and religious boundaries. Therefore, this relationship requires a strong foundation so that harmonious interaction can be highlighted in order to maintain the harmony and unity of community life that has been built for so long. Thus, this study aims to explain the basic principles of plural interaction in Malaysia according to the perspective of the Quran. The study was conducted qualitatively through the highlights of the Qur'anic texts as well as the views of classical and contemporary Muslim scholars and then analyzed inductively to formulate Islamic perspectives in driving plural interaction in Malaysia. This initiative is seen as an effort to strengthen and harmonize the social relations of people of various races and religions as well as clear the negative perception of the teachings of Islam itself which emphasizes the principles of universality ('alamiyyah), comprehensive (syumuliyah), balance (wasatiyyah) and reflective (waq'iyah). Ultimately, the principle of plural interaction based on the text of the Quran, the text of the Hadith and the views of Muslim scholars by taking into account the current reality that exists in Malaysia today is seen to have provided a sustainable and holistic foundation as the core of social relations in Malaysia.

Keyword: Plurality, Interaction, al-Quran, Harmony, Unity

PENGENALAN

Manusia secara asasnya memerlukan kepada interaksi dengan persekitarannya sebagai suatu fitrah yang telah ditanamkan dalam diri mereka. Interaksi ini boleh berlaku dalam pelbagai bentuk sama ada perbualan, perkongsian idea mahupun penghuluran bantuan. Pemisahan yang berlaku dalam aspek geografi, politik, kaum dan agama telah membawa kepada kewujudan kepelbagaian interaksi yang mewarnai lagi hubungan sesama manusia. Malaysia sebagai negara yang menghimpunkan rakyat terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama sering dijadikan contoh sebagai model perpaduan di peringkat antarabangsa. Penubuhan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional oleh pihak kerajaan pada 2009 dilihat sebagai salah satu usaha dan kesungguhan pihak kerajaan dalam memastikan perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia mampu direalisasikan.

Meskipun pelbagai usaha telah dirangka dan dilaksanakan oleh pihak kerajaan bagi mewujudkan keharmonian dalam hubungan sesama kaum dan agama, namun tahap interaksi yang dipamerkan masih berada dalam skor yang sederhana. Laporan teknikal yang disediakan oleh sekumpulan penyelidik berhubung realiti dan cabaran hubungan antara penganut agama di Malaysia secara dasarnya memperlihatkan sedikit kerapuhan

dalam interaksi yang berlaku mutakhir ini khususnya dalam menangani isu-isu membabitkan kepentingan antara agama (Azizan et.al, 2014).

Model integrasi nasional yang cuba diaplikasikan oleh pihak kerajaan dilihat adakalanya berhadapan dengan jalan buntu disebabkan kurangnya kesungguhan dan komitmen pihak-pihak tertentu dalam menjayakannya. Keselesaan mereka untuk kekal berada dalam zon integrasi tahap rendah seperti segregasi dan akomodasi menyebabkan sebarang usaha yang dilihat cuba mengeluarkan mereka daripada ruang selesa ini dinilai sebagai suatu bentuk ancaman terhadap kedudukan dan kepentingan agama mereka sendiri. Maka, usaha mewujudkan bangsa Malaysia dengan menggunakan model integrasi tahap tinggi seperti amalgamasi dilihat sedikit sukar untuk diaplikasikan buat masa ini kerana memerlukan pengorbanan semua pihak meleburkan kepentingan agama, keturunan dan kebudayaan mereka (Mohd Anuar & Aizat, 2012). Walaubagaimanapun, pemakaian model akomodasi (integrasi tahap rendah) dilihat masih praktikal untuk dilaksanakan dengan sedikit penambahbaikan serta pengubahsuaian.

Kebanyakan kajian yang dilakukan berkaitan isu ini lebih menyentuh perbincangan dan dan penyediaan model perpaduan berteraskan kaum dan etnik berbanding agama. Rahimin (2011) menekankan keperluan pelaksanaan dialog antara agama di Malaysia sebagai salah satu mekanisme dalam mewujudkan perpaduan kaum dan agama. Khadijah & Herzali (2008) menjelaskan Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan menjadi tunjang yang memandu kepada dasar toleransi beragama di Malaysia. Di samping itu, model 'urf majmuk yang diperkenalkan Mohd Anuar & Aizat (2011) melihat budaya rumah terbuka semasa sambutan perayaan pelbagai agama di Malaysia berperanan sebagai rujukan dalam membina suatu asas hubungan antara masyarakat majmuk di Malaysia. Tuntasnya, inisiatif bagi menjayakan dinteraksi yang harmoni dalam kalangan masyarakat majmuk telah menjadi agenda utama pihak kerajaan sejak sekian lama bagi mewujudkan kestabilan dan perpaduan sesama masyarakat.

Namun, perubahan demografi politik bermula PRU ke-12 pada tahun 2008 sehingga kini menyaksikan hubungan antara penganut agama di Malaysia memasuki dimensi yang baharu. Pelbagai tuntutan disulami elemen provokasi cuba dicetuskan oleh pihak-pihak tertentu sehingga menimbulkan ketegangan dalam masyarakat. Pendekatan yang diaplikasikan oleh pihak kerajaan dalam menguruskan hubungan antara penganut agama di Malaysia selama ini wajar dinilai semula berdasarkan realiti semasa yang wujud. Ini bagi memastikan hubungan yang terbina menatijahkan perpaduan dan keharmonian dan bukannya perpecahan serta permusuhan. Maka, kajian ini dilakukan bagi memperkenalkan asas-asas perpaduan antara penganut berdasarkan perspektif al-Quran yang diterima secara sejagat sebagai suatu nilai tambah yang mengukuhkan asas-asas sedia ada.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini mengaplikasikan pendekatan kualitatif dalam proses pengumpulan data dan menganalisis data. Penyelidikan kualitatif memfokuskan kepada usaha untuk mendapatkan maklumat bukan numerikal (Cresswell, 2005) yang dapat memberikan keterangan mendalam tentang latar belakang sesuatu perkara. Justeru, kajian ini

bersandarkan metod kualitatif melalui kaedah analisis data penulisan untuk merumuskan perspektif al-Quran terhadap interaksi majmuk di Malaysia. Maklumat yang dirujuk dalam kajian ini diperolehi melalui metod induktif dengan menelusuri sumber-sumber primer dan sekunder yang mempunyai kaitan dengan isu kajian ini, dan menyimpulkan data-data yang mengukuhkan serta menerangkan permasalahan dalam isu ini. Analisis data pula dijalankan dengan menggunakan metod deduktif melalui pemahaman dalil-dalil syarak dan pendapat-pendapat ulama dan pengeluaran darinya apa yang berkaitan dengan isu kajian ini. Pendekatan ini digunakan untuk menggambarkan permasalahan atau fenomena yang sedang dikaji seterusnya dapatan kajian akan digunakan menuju ke arah pembentukan kesimpulan khusus yang bersesuaian dengan permasalahan yang dikaji. Data-data yang terkumpul selepas induktif dan deduktif ini dirumuskan untuk menjawab persoalan-persoalan kajian ini, lantas merumuskan prinsip-prinsip asas interaksi majmuk di Malaysia menurut perspektif al-Quran.

Asas Kemajmukan Manusia Menurut Al-Quran

Pembinaan persefahaman berkaitan latar kemajmukan budaya dan agama sangat penting dalam menghasilkan asas hubungan yang lebih harmoni dan bertoleransi. Sifat saling memahami mampu mewujudkan masyarakat yang saling menghormati antara satu sama lain. Bagi merealisasikan hasrat membina asas kefahaman yang baik ini, semua pihak seharusnya menyedari bahawa asas kemajmukan dalam penciptaan manusia bukanlah sebagai modal menyuburkan perpecahan dan permusuhan, sebaliknya penyaluran ruang bagi membina interaksi yang harmoni (Khairul Azhar, 2016). Ini sebagaimana yang dinyatakan dalam ayat berikut :

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاكُمْ
Surah al-Hujurat 49: 13

Terjemahan: Wahai sekalian manusia, Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari kalangan lelaki dan wanita serta menjadikan kamu pelbagai bangsa dan bersuku puak untuk saling mengenali.

Menurut al-Qurtubi (2006), ayat tersebut diturunkan sewaktu peristiwa pembukaan Makkah, susulan perintah Rasulullah SAW kepada Bilal bin Rabah untuk melaungkan azan di bahagian atas Kaabah. Tindakan ini jelas mengundang reaksi negatif daripada beberapa tokoh Quraisy yang masih menebal sikap perkaumannya. 'Attab bin Asid, antaranya berkata, "Segala puji bagi Allah yang telah mematikan bapaku tanpa menyaksikan peristiwa ini." Al-Harith bin Hisyam pula mengatakan, 'Muhammad telah ketandusan pengikut sehingga terpaksa melantik "gagak hitam" sebagai pelaung azan'. Celaan-celaan berunsurkan kekastaan itu akhirnya menerima teguran daripada Allah SWT menerusi ayat tersebut. Menurut al-Baghawiy (2002), setiap manusia mempunyai asas penciptaan yang sama, iaitu berasal daripada keturunan Adam dan Hawa AS. Mereka seterusnya telah berkembang, namun masih mempunyai ikatan pertalian nasab antara satu dengan yang lain; sama ada secara dekat mahupun jauh. Perkataan *syu'ub* (شُعُوب) merujuk kepada nasab yang jauh dan *qaba'il* (قَبَائِل) pula bagi yang dekat, iaitu pecahan kecil daripada *syu'ub* itu sendiri (al-Tabari, t.th).

Ibn Kathir (1997) menjelaskan bahawa *syu'ub* (شعوب) lebih umum berbanding *qaba'il* (قبائل), dan *qaba'il* (قبائل) mempunyai pecahan atau tingkatan tersendiri seperti *fasa'il* (فصائل), *'asya'ir* (عشائر), *'ama'ir* (عمائر), *afkhadh* (الأفخاذ) dan sebagainya. Beliau turut menukilkan pandangan bahawa *syu'ub* (شعوب) merujuk pecahan *'ajam* (عجم) iaitu bukan berbangsa Arab, manakala *qaba'il* (قبائل) pula adalah pecahan bangsa Arab itu sendiri. Al-Baghawiy (2002) juga menafsirkan perkara yang hampir sama iaitu *syu'ub* sebagai *ru'us al-qabail* (رؤوس القبائل) di mana daripadanya akan berpecah dalam kabilah kecil dan seterusnya. Maka, ayat tersebut menjadi isyarat bahawa kewujudan manusia di bumi berteraskan asas keturunan yang sama, Adam AS. Seterusnya, mereka mula beranak-pinak berkembang dan terpecah menjadi bangsa, kaum, suku, kabilah, keluarga dan lain-lain. Proses 'pemecahan' yang berjalan sejak lama dan berterusan hingga kini memungkinkan kewujudan agama dan kepercayaan baharu, yang sudah pastinya berbeza dengan hakikat agama fitrah yang asal (Islam), sebagaimana yang ditaklifkan kepada Adam AS.

Di samping itu, ayat yang sama turut menjelaskan bahawa falsafah di sebalik hakikat kemajmukan manusia ini bermatlamatkan prinsip *ta'aruf* (تعارف). Partikel *lam* (لام) yang diletakkan pada kata kerja *ta'arafu* (تعارفوا) adalah merujuk *lam al-ta'lil* yang bererti kerana, untuk atau supaya; membawa maksud tujuan setelah terjadi perbezaan tersebut. Kata kerja *ta'arafu* (تعارفوا) dari segi 'ilmu *al-sarf* berasal daripada *wazan* atau pola *tafa'ala* (تفاعل), bererti fungsi sebagai penjalinan atau pertalian antara satu dengan yang lain (Ashafizrol, 2015), atau dalam terjemahan al-Quran dirujuk sebagai 'saling'. Al-Tabari (t.th) menjelaskan bahawa perkataan *li ta'arafu* (لتعارفوا) merujuk kepada saling mengenali antara satu dengan yang lain. Al-Baghawiy (2002) menambah bahawa penciptaan pelbagai bangsa dan kabilah ini bukanlah tujuan untuk saling berbangga dengan kelebihan yang ada pada pihak tertentu. Al-Sa'diy (2002) pula meluaskan tema *ta'aruf* (تعارف) sebagai saling tolong-menolong (تناصر), mewarisi (توارث), dan menunaikan hak kerabat (القيام بحقوق الأقارب), sebagai tujuan Allah menciptakan pelbagai manusia. Justeru, konteks *ta'aruf* (تعارف) tidak terhad pada saling berkenalan atau mengenali semata, namun dapat difahami dalam konteks lebih luas, termasuklah saling berinteraksi, tolong-menolong, menghormati, menjaga hak dan lain-lain. Falsafah ini tidak terhad kepada hubungan sesama Muslim semata, bahkan turut meliputi golongan non Muslim bagi merealisasikan keharmonian dan kesejahteraan manusia di dunia.

Prinsip Interaksi Majmuk: Perspektif Al-Quran

Di Malaysia, penghijrahan etnik selain Melayu secara beramai-beramai hasil dasar pihak penjajah ketika itu telah mewujudkan kemajmukan dalam kalangan penduduk Tanah Melayu yang menyaksikan berlakunya interaksi merentasi sempadan kaum dan agama. Walau bagaimanapun, dasar pecah dan perintah yang dijalankan oleh pihak penjajah dalam aspek sosial dan ekonomi telah mewujudkan keterasingan dalam hubungan sesama masyarakat. Hal ini membawa kepada pengurangan peluang interaksi inter-agama dan budaya sehingga mewujudkan elemen prasangka, prejudis dan stereotaip dalam kalangan mereka. Pendominasian kaum atau etnik tertentu terhadap sesuatu agama turut mempengaruhi interaksi sosial antara masyarakat majmuk di Malaysia. Persaingan yang timbul hasil daripada usaha penzahiran kehidupan beragama sesebuah kaum yang

walaupun pada awalnya hanya berkaitan isu perkauman namun ada kalanya turut mengheret kepada ketegangan agama.

Meskipun pihak kerajaan telah merangka dan melaksanakan beberapa inisiatif dalam memperbaiki tahap hubungan antara penganut agama di Malaysia, namun beberapa cadangan dirasakan perlu untuk diketengahkan dalam menambahbaik model pelaksanaan tersebut bagi menjamin keberkesanan pendekatan yang telah digunakan. Tahap kematangan yang rendah membabitkan penganut antara agama di Malaysia dalam membina interaksi sesama mereka memerlukan kepada pengemaskinian dan penelitian semula beberapa panduan yang diselaraskan dengan realiti semasa di Malaysia. Islam telah menyediakan beberapa asas yang dirasakan sesuai untuk dipraktikkan dalam membina interaksi harmoni antara penganut berlainan agama iaitu :

a) Komunikasi Berhikmah

Interaksi memerlukan kepada komunikasi yang berlaku sesama manusia sama ada secara verbal mahupun tidak verbal. Komunikasi sama ada berbentuk perbualan seharian, perbincangan mahupun dialog harmoni ini perlu mengambil kira latar belakang dan kedudukan semua pihak yang terlibat dalam memastikan komunikasi tersebut tidak tersasar daripada objektif yang telah ditetapkan. Dalam hal ini, Islam telah menunjukkan beberapa kaedah komunikasi yang dirasakan sesuai untuk diaplikasikan dalam membina interaksi yang berkesan jalan terbaik sebagaimana firmanNya :

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجِدِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ
Surah al-Nahl 16:125

Terjemahan : Serulah kepada jalan Tuhanmu dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik serta berbahaslah dengan mereka menggunakan cara terbaik.

Menurut Sayyid Qutb (1996), komunikasi secara berhikmah memerlukan kepada pemerhatian dan penelitian terhadap situasi dan realiti semasa golongan sasaran menggunakan teknik komunikasi yang bersesuaian dan berkesan. Kaedah nasihat pula diaplikasikan melalui komunikasi secara lemah-lembut yang mampu meresap ke dalam hati manusia dan bukannya melalui ancaman dan tegahan yang boleh mengaibkan mereka atas segala tindakan yang dilakukan. al-Razi (1981) dalam menjelaskan ayat tersebut menyatakan bahawa ketiga-tiga teknik yang dinyatakan merupakan satu garis panduan yang penting dalam membina komunikasi yang baik dan berkesan. Hal ini kerana sesuatu komunikasi itu perlu diselaraskan mengikut latar belakang serta kesesuaian pihak pendengar. Beliau membahagikan golongan penerima maklumat ini kepada tiga kategori iaitu :

- i) Golongan intelektual yang perlu diberikan hujah dan fakta yang benar serta mampu menjentik akal mereka untuk berfikir tentang kebenaran hujah tersebut kerana mereka memiliki tahap pemikiran dan analisis yang tinggi. Kaedah ini dinamakan komunikasi secara teliti dan bijaksana (الحكمة).
- ii) Golongan awam yang kadar pemikirannya bersifat sederhana di mana golongan ini perlu didedahkan dengan pelaksanaan nilai-nilai agama berkaitan akhlak dan moral secara umum sama ada menerusi perkataan mahupun kelakuan. Hal ini kerana golongan ini lebih mudah terpengaruh dan terkesan dengan perkongsian

prinsip-prinsip umum kehidupan yang dikongsi bersama. Kaedah ini dinamakan komunikasi secara teladan (الموعظة الحسنة).

- iii) Golongan antagonis yang mana kebanyakan hujah mereka lebih bersifat sebagai cubaan untuk mencabar sesuatu doktrin tanpa menginginkan kepada sebarang nilai kebenaran dan kesepakatan. Golongan ini perlu dilayani menerusi perdebatan yang mampu mematahkan argumentasi mereka serta mengukuhkan lagi kedudukan hujah sendiri menggunakan cara yang paling tepat, sesuai dan berasas. Kaedah ini dinamakan komunikasi secara berhujah (الجدال).

Penguasaan kaedah komunikasi yang bersesuaian ini penting dalam rangka membina hubungan yang harmoni serta mampu menghindarkan sebarang bentuk kekeliruan yang bakal timbul hasil daripada kesilapan penggunaan kaedah komunikasi semasa berinteraksi. Hal ini sebagaimana yang telah dinyatakan oleh 'Abd Allāh bin Mas'ūd RA:

ما انت بمحدث قوما حديثا لا تبلغه عقولهم إلا كان لبعضهم فتنة

Terjemahan : Tidaklah kamu bercakap perkataan sesuatu kaum yang tidak mampu difahami oleh akal mereka melainkan akan menimbulkan fitnah dalam kalangan sebahagian mereka (Muslim, 1991).

Penggunaan perkataan atau pendekatan yang kurang sesuai dengan tahap dan situasi sesetengah pihak bakal menjejaskan keberhasilan matlamat komunikasi tersebut. Cukup menarik untuk dihayati kebijaksanaan Rasulullah SAW dalam menggunakan pendekatan yang berbeza sewaktu berhadapan dengan individu dan golongan yang berbeza seperti puak Arab Badwi, ahli Kitab, orang munafik, golongan bangsawan dan pemimpin, kanak-kanak dan wanita serta umat Islam keseluruhannya yang memiliki latar belakang dan pemikiran yang berbeza. Kemahiran inilah yang akhirnya menyumbang kepada berkembangnya dakwah Islam secara berkesan dan meluas.

b) Toleransi

Secara realitinya, manusia itu memang diciptakan bagi menempuhi persekitaran yang berbeza. Perbezaan dari sudut politik, geografi, ekonomi, kebudayaan mahupun keagamaan memerlukan kepada nilai tolak ansur dan toleransi yang tinggi. Maka, sebarang usaha untuk melakukan pemaksaan bagi menyatukan manusia dalam aspek-aspek tersebut terutamanya aspek keagamaan adalah berada di luar kemampuan manusia sebagaimana yang dinyatakan dalam ayat yang berikut:

وَلَوْ شَاءَ رَبُّكَ لَأَمَنَّ مِنَ فِي الْأَرْضِ كُلُّهُمْ جَمِيعًا أَفَأَنْتَ تُكْرَهُ النَّاسَ حَتَّى يَكُونُوا مُؤْمِنِينَ
Surah Yunus 10:99

Terjemahan : Dan jika Tuhanmu mengkehendaki, nescaya berimanlah sekalian yang ada di atas muka bumi. Maka, patutkah engkau pula mahu memaksa manusia supaya mereka menjadi orang-orang yang beriman?

Ayat ini secara jelas memperlihatkan bahawa kewujudan kepelbagaian agama itu bukanlah sebagai satu bentuk pendominasian dan penguasaan terhadap agama-agama lain sebaliknya sebagai satu proses membina toleransi dan pergaulan yang baik. Islam tidak menerima konsep kebebasan agama kerana setiap agama mempunyai doktrinnya tersendiri yang perlu diikuti dan ditaati oleh setiap penganutnya (Ramli, 2003). Sebaliknya Islam mengakui konsep kebebasan beragama di mana pengamalan mana-

mana agama diharuskan atas dasar saling menghormati dan meraikan perbezaan yang wujud dengan syarat tiadanya unsur campur tangan dan peremehan terhadap doktrin mana-mana agama lain dilakukan secara terbuka tanpa sebarang pengawasan (Khadijah & Mohd Herzali, 2008). Hal ini juga selaras dengan peruntukan yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan di mana walaupun Islam diiktiraf sebagai agama rasmi persekutuan, namun agama-agama lain boleh terus diamalkan tanpa sebarang gangguan. Kefahaman yang jelas tentang konsep ini akan melahirkan semangat toleransi yang jitu antara penganut pelbagai agama seterusnya membawa kepada proses perpaduan yang baik.

Al-Qardawi (2001) telah mencadangkan empat prinsip yang boleh dijadikan sebagai dasar utama oleh umat Islam dalam mewujudkan toleransi yang bersifat praktikal iaitu:

- i) Setiap Muslim perlu mengakui dan mengiktiraf asas kemuliaan manusia tanpa mengira agama, bangsa dan warna kulit.
- ii) Setiap Muslim perlu menerima bahawa perbezaan agama yang berlaku merupakan sebahagian daripada aturan yang telah ditetapkan oleh Allah bagi membolehkan manusia membuat pilihan untuk menerima atau meninggalkan sesuatu kepercayaan berdasarkan kefahaman dan keyakinannya.
- iii) Setiap Muslim tidak dituntut untuk bermusuhan dengan golongan non Muslim disebabkan kekufuran mereka serta berpegang teguh pada prinsip kebebasan beragama.
- iv) Setiap Muslim perlu meyakini bahawa berlaku adil dan menunaikan hak sesama manusia walaupun berbeza kaum dan agama merupakan sebahagian daripada perintah Allah yang wajib dilaksanakan

Prinsip-prinsip ini jika mampu difahami dan diaplikasikan dengan baik nescaya mampu mewujudkan sekumpulan masyarakat yang mampu menerima dan meraikan kepelbagaian yang wujud sesama mereka tanpa menjejaskan kerukunan dan keharmonian yang dimiliki. Sewaktu pemerintahan Islam di Madinah, Rasulullah SAW tidak mengganggu golongan Yahudi yang memiliki institusi keagamaan dan akademik mereka sendiri yang dikenali sebagai Bayt al-Midras (Ibn Hisyam, t.t). Mereka bebas mengurus dan menjalankan kegiatan mereka tanpa sebarang sekatan selagi mana tidak mendatangkan gangguan dan ancaman terhadap umat Islam. Hal ini telah memperlihatkan kepada kita keunggulan Islam sebagai agama yang meraikan hak asasi manusia. Hal yang sama juga berlaku pasca peperangan Khaybar di mana para sahabat telah merampas lembaran-lembaran Taurat disebabkan kewujudan banyak penyelewengan dan pendustaan terhadap Allah dan Rasulnya yang terkandung dalam kitab tersebut. Golongan Yahudi telah mengadukan perkara tersebut kepada Rasulullah SAW di mana baginda akhirnya memerintahkan para sahabat untuk memulangkan semula kitab tersebut kepada mereka sebagai satu bentuk penghormatan terhadap hak dan kebebasan beragama (al-Waqidi, 1989).

c) Keadilan

Konsep keadilan perlu dilunaskan merentasi batasan dan sempadan perbezaan kaum dan agama. Islam sangat menekankan keperluan melaksanakan keadilan dalam setiap urusan

tanpa dipengaruhi oleh sentimen mahupun latar tertentu. Hal ini sebagaimana yang dijelaskan dalam ayat yang berikut :

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ
Surah al-Nisa 4:58

Terjemahan: Sesungguhnya Allah memerintahkan kamu supaya menyerahkan sesuatu amanah itu kepada ahlinya. Dan jika kamu menjalankan sebarang keputusan sesama manusia, maka putuskanlah secara adil.

Ayat ini secara nyata menjelaskan kepentingan mengaplikasikan keadilan sesama manusia merentasi perbezaan agama. Hal ini kerana keadilan merupakan elemen yang menjadi teras dalam kehidupan bermasyarakat. Islam sangat menegah sebarang bentuk kezaliman kepada sesama manusia terutamanya berasaskan sentimen yang tertentu (Ibn Kathir, 1999). Pelaksanaan keadilan ini bukanlah sesuatu yang hanya bersifat teori semata-mata namun telah diperlihatkan sendiri kaedah pelaksanaannya oleh salah seorang sahabat Rasulullah SAW bernama 'Abd Allāh bin Rawāhah sewaktu beliau diutuskan ke Khaibar bagi menguruskan perjanjian berkaitan pembahagian hasil pengeluaran buah-buahan di sana. Kata 'Abd Allāh :

“Wahai orang Yahudi, kamulah orang yang paling aku benci. Kamu telah membunuh para nabi serta melakukan pendustaan kepada Allah. Namun begitu, kebencianku kepada kamu tidak sedikit pun mendorong aku untuk berlaku zalim kepada kamu. Aku menaksirkan pembahagiannya untuk kamu sebanyak 20, 000 wasaq kurma. Jika kamu bersetuju, ia menjadi hak kamu dan jika kamu membantah, maka ia menjadi hak aku. Lalu kaum Yahudi tersebut berkata, “Dengan keadilan seperti inilah tertegaknya langit dan bumi. Kami menerimanya, maka beredarlah engkau dari tempat kami (al-Sirjani, 2010).”

Sejarah mencatatkan bagaimana kejahatan dan penganiayaan yang direncanakan oleh bangsa Yahudi terhadap Islam. Namun, dalam berhadapan dengan perkara tersebut, Rasulullah SAW telah mendidik para sahabatnya untuk berlaku adil dalam apa urusan sekalipun. Hal ini kerana sebarang bentuk kezaliman dan pengurangan hak hanya akan membawa kepada pemberontakan perasaan yang akhirnya boleh mencetuskan perpecahan dan permusuhan yang berterusan.

Elemen keadilan ini telah meresapi pemikiran dan perlakuan sahabat sehingga mendorong mereka untuk mengaplikasikan elemen tersebut walaupun selepas ketiadaan Rasulullah SAW. Hal ini dapat dilihat sewaktu peristiwa Khalifah 'Ali bin Abī Ṭālib yang kehilangan baju besi yang kemudiannya didapati berada di tangan seorang lelaki Yahudi. Kedua-dua mereka mengadukan hal tersebut kepada hakim negara ketika itu iaitu Syuraih. Berdasarkan keterangan dan pembuktian, maka baju besi itu diputuskan menjadi milik lelaki Yahudi tersebut. Perhatikan kepada keadilan yang dipamerkan oleh Islam walaupun lawannya ketika itu adalah pemerintah utama negara Islam, maka lelaki Yahudi itu terus memeluk Islam atas dasar kekagumannya lalu terus memulangkan semula baju besi tersebut kepada khalifah Ali (Abd al-Mun'im, 1988). Peristiwa tersebut jelas membuktikan bahawa konsep keadilan dalam Islam memaparkan suatu pendekatan

yang sangat pragmatik di mana tiada perbezaan dalam pelaksanaannya walaupun kepada musuh mahupun mereka yang berbeza agama.

d) Kebajikan

Secara fitrahnya, naluri manusia itu akan sentiasa terdorong untuk melakukan kebaikan dan kebajikan sesama mereka. Konsep ini dilaksanakan tanpa mengira perbezaan agama yang wujud bagi mengukuhkan hubungan yang terbina berdasarkan nilai yang mulia dan terpuji. Islam tidak melarang sebarang bentuk kebajikan diberikan kepada penganut berlainan agama sama ada dalam bentuk ekonomi mahupun sosial. Hal ini sebagaimana yang dinyatakan dalam ayat yang berikut:

لَا يَنْهَىٰكُمْ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُقَاتِلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَلَا يَخْرُجُوكُمْ مِنْ دِيَارِكُمْ أَنْ تَبَرُّوهُمْ وَتُقْسِطُوا إِلَيْهِمْ
Surah al-Mumtahanah 60:8

Terjemahan : Allah tidak melarang kamu daripada melakukan kebaikan dan keadilan kepada mereka yang tidak memerangi kamu dalam agama dan mengeluarkan kamu daripada negeri kamu.

Hubungan umat Islam dengan penganut agama yang lain bukan hanya dibina berdasarkan penjaminan keharmonian dan keamanan semata-mata, bahkan dirangkumkan dalam konsep yang lebih luas melibatkan penjagaan kebajikan terhadap mereka. Rasulullah SAW pernah menziarahi seorang remaja Yahudi yang merupakan salah seorang pembantu yang berkhidmat kepadanya. Sifat prihatin dan bertanggungjawab yang dipamerkan oleh Baginda ini akhirnya menarik minat remaja tersebut untuk memeluk agama Islam (al-Bukhārī, 2002). Selain itu, perintah Rasulullah SAW kepada Asmā' binti Abū Bakar untuk meneruskan kebajikan dan layanan baik terhadap ibunya yang belum memeluk Islam memperlihatkan kepada kita secara jelas bahawa perbezaan agama bukanlah penghalang untuk menyuburkan kebajikan sosial dalam masyarakat yang berbilang kaum dan agama. Hal ini sebagaimana firman Allah dalam ayat yang berikut :

وَأِنْ جَاهِدَاكَ عَلَىٰ أَنْ تُشْرِكَ بِي مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ فَلَا تُطِعْهُمَا وَصَاحِبُهُمَا فِي الدُّنْيَا مَعْرُوفًا
Surah Luqman 31:15

Terjemahan : Dan jika kedua-keduanya memaksa kamu menyekutukan Aku dengan sesuatu yang tiada kamu ketahui maka janganlah kamu menurutinya. Dan bergaullah secara baik dengan mereka di dunia.

Ternyata, walaupun Allah melarang sebarang ketaatan kepada ibu bapa yang berlainan agama dalam urusan keagamaan, namun dalam masa yang sama seorang anak tetap dipertanggungjawabkan untuk melunasi hak terhadap orang tua mereka dengan cara yang terbaik dan selayaknya. Keprihatinan yang tinggi akan melahirkan suatu hubungan yang kukuh serta mencairkan sebarang bentuk gelojak negatif yang berselindung di dalam hati.

Islam juga sangat memberi penekanan terhadap penghuluran kebajikan kepada jiran di mana telah diriwayatkan bahawa 'Abd Allāh bin 'Amru salah seorang daripada sahabat Rasulullah SAW pernah menyembelih seekor kambing lalu bertanya kepada pembantunya sama ada daging kambing tersebut telah dihadiahkan kepada jiran mereka

yang berbangsa Yahudi. Pertanyaan tersebut telah diulang sebanyak dua kali lalu beliau menyatakan pesanan Rasulullah SAW menerusi hadis berikut :

ما زال جبريل يوصيني بالجار حتى ظننت أنه سيورثه

Terjemahan : Jibril sering berpesan kepadaku berkaitan jiran sehingga aku menyangka bahawa mereka itu boleh mewarisi (al-Bukhārī, 1989).

Al-Qardawi (1992) dalam menyatakan konsep kebajikan yang dianjurkan oleh Islam adalah dengan mempamerkan kelembutan terhadap orang yang lemah dalam kalangan non Muslim, menghulurkan bantuan kepada orang-orang fakir dan miskin, memberi keperluan makanan dan pakaian terhadap orang-orang yang kesempitan, bergaul secara baik dan sopan, mendoakan supaya mereka diberikan petunjuk kepada agama Islam, menasihati mereka dalam urusan keduniaan, memelihara maruah dan harta mereka daripada sebarang ancaman serta membantu mereka daripada sebarang unsur kezaliman.

e) Keharmonian

Islam melarang sebarang bentuk penghinaan dan penceraan terhadap amalan dan doktrin mana-mana agama tanpa melalui proses penghujahan yang betul. Hal ini kerana setiap provokasi yang dilakukan hanya akan mengundang tindak balas yang lebih ekstrem yang akhirnya boleh membawa kepada pertelingkahan dan permusuhan yang lebih serius. Hal ini sebagaimana yang telah dinyatakan dalam ayat berikut :

وَلَا تَسُبُّوا الَّذِينَ يَدْعُونَ مِن دُونِ اللَّهِ فَيَسُبُّوا اللَّهَ عَدْوًا بِغَيْرِ عِلْمٍ

Surah al-An'ām 6 : 108

Terjemahan : Dan janganlah kamu mencera sembahhan-sembahhan mereka selain Allah kerana kelak mereka akan mencera Allah secara melampaui batas tanpa pengetahuan.

Kalimah *tasabbu* dalam ayat berikut berasal daripada perkataan *sabba* iaitu sebarang ucapan yang mempunyai unsur penghinaan dan pemakaian sesuatu keburukan kepada pelakunya secara terbuka sama ada hal tersebut benar mahupun palsu (al-Fayyumi, 1987). Ibn Kathīr (1999) menyatakan bahawa ayat ini diturunkan berkaitan tindakan sebahagian umat Islam yang menghina dan memperlekehkan sembahhan kaum musyrikin Makkah. Hal ini telah mengundang serangan balas daripada mereka dengan melancarkan ugutan terhadap Rasulullah SAW untuk mencera Allah sebagai sembahhan umat Islam. Lalu Allah menurunkan larangan cercaan tersebut bukan sebagai satu bentuk ketakutan terhadap ancaman mereka sebaliknya pembinaan etika buat umat Islam dalam berhadapan dengan manusia pelbagai agama. Umat Islam dilarang memulakan sebarang bentuk provokasi atas apa alasan sekalipun bagi menghindari mudarat besar yang boleh berlaku tanpa diduga.

Rasulullah SAW sendiri pernah diprovokasi oleh sekumpulan Yahudi yang mempermainkan ucapan salam dengan mengubah lafaz salam tersebut daripada *assalamu 'alaikum* (sejahtera ke atas kamu) kepada *ass'amu 'alaikum* (kematian/kecelakaan kepada kamu). 'A'isyah RA yang mendengar ucapan tersebut telah membalas provokasi tersebut

dengan mendoakan kecelakan dan laknat keburukan ke atas mereka namun telah ditegur oleh baginda dengan katanya :

مهلا يا عائشة, إن الله يحب الرفق في الأمر كله

Terjemahan: Bertenang wahai 'A'isyah, Sesungguhnya Allah menyukai kelembutan/kesopanan dalam setiap perkara (al-Bukhari, 2002).

Walaupun 'A'isyah pada mulanya mempersoalkan teguran Rasulullah SAW yang dirasakan bersifat defensif, namun beliau akur atas penjelasan baginda bahawa provokasi tersebut telah pun dibalas dengan kadar yang sewajarnya. Hal ini memperlihatkan ketinggian tahap kesabaran yang dimiliki oleh Rasulullah SAW walaupun berhadapan dengan provokasi yang melampau dan biadab daripada pihak lawan. Maka, menjadi tanggungjawab setiap penganut agama untuk mempamerkan rasa hormat sesama mereka yang berlainan agama berdasarkan konsep “agree to disagreement”. Sebarang unsur perosak keharmonian seperti ekstremisme, chauvinisme dan fanatisme perlu segera dihindari dan dibendung dalam usaha memastikan keharmonian dan kerukunan masyarakat pelbagai agama ini mampu direalisasikan (Mohd Anuar, 2011). Setiap pihak juga wajar menahan diri daripada menimbulkan tuntutan atau bantahan tertentu terutamanya berkaitan dengan doktrin dan syiar utama agama-agama lain kerana dibimbangi tindakan tersebut hanya akan mengundang serangan balas yang di luar jangkaan. Hal ini kerana isu keagamaan di Malaysia sememangnya dikategorikan sebagai isu yang sensitif kerana berpotensi untuk dieksploitasi oleh mana-mana pihak sehingga mencetuskan kekacauan dalam masyarakat (Khairul Azhar et.al, 2020).

KESIMPULAN

Hubungan baik yang terbina antara penganut pelbagai agama di Malaysia ini perlu sentiasa dikekalkan bagi menjamin keharmonian hidup bermasyarakat. Situasi ini memerlukan kepada kerjasama semua pihak secara menyeluruh bagi menghasilkan suatu proses integrasi yang bersifat nasional. Perkongsian dan pematuhan terhadap nilai dan norma yang terpuji merupakan aspek yang disepakati oleh semua manusia merentasi sempadan kaum dan agama. Maka, asas-asas ini perlu sentiasa dijadikan sebagai panduan dalam kerangka membina suatu interaksi yang tidak bersifat retorik semata-mata bahkan mampu menterjemahkan kemajmukan dan kepelbagaian yang wujud di Malaysia dalam bentuk yang lebih jitu dan bersepadu. Sebarang ancaman yang dilihat berpotensi merencatkan pembinaan asas keharmonian ini perlu segera dicantas sama ada menerusi kempen dan dialog mahupun penguatkuasaan undang-undang bagi menjamin kestabilan dan keharmonian yang wujud dalam kalangan masyarakat berbeza agama di Malaysia mampu dikekalkan.

BIBLIOGRAFI

- al-Baghawiy, Abi Muhammad al-Husayn bin Mas'ud. (2002). *Ma'alim al-Tanzil*. Lubnan: Dar Ibn Hazm.
- al-Bukhari, Muhammad bin Isma'il. (2002). *Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar Ibnu Kathir.
- al-Fayyumi, Ahmad bin Muhammad bin 'Ali. (1987). *Misbah al-Munir*. Beirut: Maktabah Lubnan.

- al-Qurtubi, Muhammad bin Ahmad bin Abi Bakr. (2006). *al-Jami' li Ahkam al-Quran*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- al-Qusyairi, Muslim bin Hajjaj. (1991). *Sahih Muslim*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Razi, Fakhr al-Din. (1981). *Mafatih al-Ghayb*. Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Sa'di, Abd al-Rahman bin Nasir. (2002). *Tafsir al-Sa'di*. Riyad: Maktabah Dar al-Salam.
- al-Sirjani, Raghīb. (2010). *Fann al-Ta'amul al-Nabawi ma'a Ghayr al-Muslimin*. Qahirah: Dar Aqlam.
- al-Tabari, Muhammad bin Jarir. (t.th). *Jami' al-Bayan 'an Ta'wil Ay al-Qur'an*. Qahirah: Maktabah Ibn Taimiah.
- al-Waqidi, Muhammad bin 'Umar. (1989). *al-Maghazi*. Beirut: Dar al-A'lami.
- Ashafizrol Ab Hamid. (2015). *Huraian Matan al-Ajurrumiyah*. Alor Setar: Alasfiyaa Sdn. Bhd.
- Azizan Baharuddin, Zaid Ahmad, Ahmad Tarmizi Talib, Jayum Jawan dan Sarjit Singh Darshan Singh. (2014). Isu dan Cabaran Hubungan antara Penganut Agama di Malaysia, Laporan Teknikal, diakses dari https://www.researchgate.net/publication/288827698_KAJIAN_ISU_DAN_CABARAN_HUBUNGAN_ANTARA_PENGANUT_AGAMA_DI_MALAYSIA.
- Cresswell, J.W. (2005). *Educational Research: Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. New Jersey: Pearson Education Inc.
- Ibn Hisyam, Muhammad bin Abd al-Malik. (t.th). *al-Sirah al-Nabawiyah*. Beirut: Dar al-Qalam.
- Ibn Kathir, Ismā'il bin 'Umar. (1997). *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. Riyad: Dar al-Tayyibah.
- Khadijah Mohd Hambali dan Mohd Herzali Mohd Haled. (2008). Toleransi Beragama dan Amalannya di Malaysia: Rujukan kepada Artikel 11 Perlembagaan Persekutuan Malaysia. *Jurnal Usuluddin* 27 (1): 81-92.
- Khairul Azhar Meerangani, Muhammad Ikhlas Rosele dan Syamsul Azizul Marinsah. (2020). Pendekatan Wasatiyyah Dalam Interaksi Inter-Agama di Malaysia. *MANU: Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa* 31(2): 19-46.
- Khairul Azhar Meerangani. (2016). Isu Semasa Terhadap Hubungan Sosial Dengan Non Muslim di Malaysia Daripada Perspektif Hukum Islam. Tesis, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Mohd Anuar Ramli dan Mohammad Aizat Jamaludin. (2011). 'Uruf Majmuk: Konsep Dan Amalannya Dalam Masyarakat Majmuk di Malaysia. *Jurnal Fiqh* 8 (1): 45-64.
- Mohd Anuar Ramli dan Mohammad Aizat Jamaludin. (2012). Prinsip Hubungan Sosial Bagi Menangani Konflik Dalam Masyarakat Malaysia Berteraskan Islam. *Jurnal Peradaban* 5 (1): 49-71.
- Rahimin Affandi Abd Rahim et.al (2011), Dialog antara Agama : Realiti dan Prospek di Malaysia. *Kajian Malaysia* 29 (2). 91-110.
- Sayyid Qutb. (1996). *Fi Zilal al-Qur'an*. Beirut: Dar al-Syuruq.
- Subhi Salih. (1975). *al-Ma'alim al-Syari'ah al-Islāmiyyah*. Beirut: Dar al-'Ilm al-Malayin.
- Yusuf al-Qardawi. (1992). *Ghayr al-Muslimin fi al-Mujtama' al-Islami*, Qahirah: Maktabah Wahbah.